

Majlis gamat bila Musa diacah kahwin

KUALA LUMPUR, Ahad — Wakil Perlis, Syed Hassan Syed Mohammad menggamatkan Persidangan Agung UMNO hari ini apabila mengacah supaya Datuk Musa Hitam segera kahwin selepas Perhimpunan ini.

Dalam ucapan beliau yang sentiasa mengusik hati perwakilan menyebut: "Menurut Islam, sembahyang berimamkan orang yang sudah berkahwin lebih darjatnya".

Usikan ini diterima Datuk Musa dengan tenang dan tersenyum manakala para perwakilan dan Ahli-ahli Majlis Tertinggi yang duduk di pentas khas ketawa besar.

Berucap membahaskan usul agama, Syed Hassan juga menyentuh kedua calon Timbalan Presiden yang telah diketahui keputusannya.

Beliau kemudian memetik maksud Ayat Suci Al-Quran: "Mereka yang kalah jangan menganggap itu sebagai keburukan dan mereka yang menang pula tidak bererti baik".

Syed Hassan berharap

Tengku Razaleigh Hamzah yang tewas di pertandingan itu mengikut jejak langkah panglima Islam Khalid Ibnu Walid yang tetap berjuang menegakkan agama Allah meskipun dibuang.

"Pangkat dan darjat tidak menjadi hitungan, yang penting perpaduan," katanya sambil disambut tepukan gemuruh dari para perwakilan.

Wakil Perlis itu juga menafikan penyediaan pemimpin barisan depan dalam UMNO kini selaras dengan prinsip kepimpinan Islam.

Di zaman Rasulullah, katanya, pemimpin yang menunjukkan bakal pengganti ialah Saidina Abu Bakar manakala Saidina Abu Bakar pula menunjukkan Saidina Umar sebagai tokoh pengganti beliau.

Dalam UMNO pula, kata Syed Hassan, di zaman Tunku Abdul Rahman menunjukkan Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai penggantinya. Dan di zaman Tun pula, Allahyarham menunjukkan Datuk Hussein Onn.